

08 SEP 1998

Mahathir-pemerintahan

NEGARA MEMBANGUN DIINGATKAN TENTANG SISTEM PEMERINTAHAN KUASA PASARAN

BANGI, 8 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan negara-negara membangun mengenai cubaan kuasa pasaran untuk mengenakan satu sistem pemerintahan dan pengurusan ekonomi yang membolehkan mereka mengaut keuntungan maksimum tanpa sebarang halangan.

"Tumpuan mereka ialah untuk mengurangkan peranan kerajaan dalam pengurusan ekonomi, melemahkan aktiviti kewangan dan perniagaan. Tetapi kerajaan perlu mengawal dan menghalang aktiviti-aktiviti lain," kata Perdana Menteri semasa merasmikan Persatuan Pentadbiran dan Pengurusan Komanwul (CAPAM) di sini.

Beliau berkata kuasa pasaran kini menuntut ia suatu yang perlu dalam bidang pemerintahan.

"Tanpa segan-silu kuasa pasaran kini mahu menuntut hak untuk mendisiplinkan kerajaan-kerajaan," katanya.

Dr Mahathir berkata dalam dunia yang kini lebih mementingkan kemewahan ekonomi sehingga mengenyepikan kebajikan politik dan sosial, "kuasa pasaran telah membuat tuntutan untuk mempunyai peranan utama dalam pemerintahan".

"Bukanlah aneh tumpuan kuasa pasaran ialah untuk memaksimumkan keuntungan bagi diri sendiri dengan mengorbankan perkara-perkara lain," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata selain kuasa pasaran, pelbagai badan seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kini menuntut hak supaya sama-sama mempunyai peranan dalam pemerintahan sesebuah negara.

"Melihat kepada kesan negatif daripada pertubuhan bukan kerajaan, badan-badan ini menjadi begitu terkenal sehinggakan di beberapa persidangan antarabangsa mereka menyediakan forum alternatif untuk perbahasan dan resolusi mengenai apa saja isu yang diberi tumpuan oleh persidangan rasmi," katanya.

Beliau berkata meskipun terdapat badan-badan bukan kerajaan yang betul-betul serius dalam perjuangan mereka dengan mengenengahkan isu-isu yang diabaikan oleh kerajaan, banyak yang bergerak untuk memprotes dan menentang kerajaan dengan kecenderungan membelakangi undang-undang.

"Dunia memperjuangkan amalan demokrasi atau suara majoriti. Tetapi NGO adalah penentang amalan demokrasi kerana mereka mewakili kumpulan minoriti malah individu yang mahu pandangan mereka diterima oleh orang lain dan kerajaan pilihan majoriti," katanya.

Beliau berkata NGO dan kuasa pasaran kini adalah sebahagian daripada sistem pemerintahan sesebuah negara dan jentera pentadbiran perlu menyesuaikan diri dengan mereka.

"Soalannya ialah adakah kerajaan yang ada hari ini boleh menyesuaikan diri dengan suasana yang baru ini, kepada pemerintahan yang peranan kerajaan semakin berkurangan dan pemerintahan sendiri yang lebih peranan umum."

Beliau berkata masyarakat perlu dikawal oleh sebuah institusi pengawalan yang mempunyai kuasa yang diperlukan.

"Bagi memastikan pihak berkuasa tidak disalahgunakan, satu bentuk kawalan perlu diwujudkan," katanya.

"Sudah tentulah apabila apa yang dipanggil "kuasa pasaran" mahu mendisiplinkan kerajaan-kerajaan di negara-negara Asia Timur dengan memiskinkan mereka dan berjuta-juta rakyat mereka, keadilan terhadap hak asasi manusia telah tidak dilakukan dengan adil," Dr Mahathir said.

Beliau berkata sekiranya negara-negara membangun mahu untuk terus hidup

dan diberi hak yang berasas untuk membangun dan mencapai status negara maju, peraturan dan kod tatalaku yang baru bagi semua negara perlu dirangka dan dikuatkuasakan sepenuhnya.

"Undang-undang rimba tidak sesuai dengan rangka kerja pemerintahan yang baik," Dr Mahathir menambah kata.

--BERNAMA

ES oba